

**P.U. (A) 368.**

**AKTA MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA 1971**

**PERINTAH MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA  
(PINDAAN JADUAL KEDUA) 1988**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh subseksyen (2) seksyen 7A Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971, Menteri membuat perintah berikut: Akta 29.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan sebagai **Perintah Majlis Sukan Negara Malaysia (Pindaan Jadual Kedua) 1988.** Nama.

2. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), Perintah ini hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1988. Mula ber-kuatkuasa.

(2) Kaedah 16 hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh selepas sahaja tersiarnya Perintah ini dalam *Warta*.

3. Jadual Kedua Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 adalah dipinda dengan menggantikan dengan yang berikut: Pindaan Jadual Kedua.

“

**JADUAL KEDUA**

**KAEDAH-KAEDAH BAGI MENUBUHKAN MAJLIS  
SUKAN DI NEGERI-NEGERI PERSEKUTUAN MALAYSIA**

Taksiran.

1. Dalam taksiran Kaedah-kaedah ini dan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Pengurus pada masa itu yang dilantik di bawah kaedah 8;

“Majlis” ertinya Majlis Sukan Negeri;

“Majlis Sukan Daerah” ertinya Majlis Sukan Daerah yang ditubuhkan dalam negeri itu oleh Majlis Sukan Negeri atau bagi Wilayah Persekutuan, Negeri Sabah dan Sarawak, Majlis Sukan untuk sesebuah kawasan pentadbiran;

“Pengarah” ertinya Pengarah Majlis Sukan Negeri yang dilantik di bawah kaedah 10 (1);

“Persatuan Sukan Negeri” ertinya mana-mana Persatuan, Kelab, Yayasan atau lain-lain badan yang menjalankan kawalan khas ke atas mana-mana cawangan sukan dalam negeri pada peringkat seluruh negeri.

Nama.

2. Majlis ini hendaklah dinamakan “MAJLIS SUKAN NEGERI”.

Tujuan  
Majlis.

3. Tujuan Majlis ialah:

- (a) untuk memajukan pada amnya kepentingan sukan dalam negeri dan khususnya mengadakan kemudahan yang cukup bagi kemajuan semua cawangan sukan di peringkat Negeri dan Daerah;
- (b) untuk melakukan penyelarasan bagi Persatuan Sukan Negeri dan lain-lain agensi sukan dalam negeri itu; dan
- (c) untuk mendapat dan mentadbirkan wang bagi mencapai tujuan-tujuan Majlis berhubung dengan Majlis Sukan Negara Malaysia.

Tugas-Tugas  
Majlis.

4. Tugas-tugas Majlis ialah:

- (a) untuk menjalankan tujuan-tujuan Majlis;
- (b) untuk menubuhkan Majlis Sukan Daerah bagi mengadakan kemudahan-kemudahan yang cukup bagi memajukan sukan pada peringkat Daerah;
- (c) untuk membuat syor-syor kepada Kerajaan Negeri mengenai cara, langkah dan dasar yang patut diambil bagi memudahkan kemajuan sukan dan jika diluluskan oleh Kerajaan untuk melaksanakan dan membantu dalam melaksanakan syor-syor itu; dan
- (d) mengambil segala langkah yang difikirkan perlu bagi mencapai dengan sepatutnya tujuan Majlis.

Kuasa-kuasa  
Majlis.

5. Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang patut atau semunasabahnya perlu atau bersangkutan dengan tetapi tidak menyentuh keluasan makna kaedah yang tersebut di atas:

- (a) untuk menjalankan tinjauan dan penyiasatan berkenaan dengan sukan;
- (b) untuk menghendaki jabatan-jabatan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan yang menguruskan sukan supaya menghantar laporan-laporan berkenaan dengan kegiatan-kegiatan;
- (c) untuk mengambil bahagian atau membantu dalam kemajuan sukan dan dalam mengadakan atau memperbaiki kemudahan-kemudahan sukan;
- (d) untuk memperolehi, membeli, memajak, menyewa, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan memindahak, menyerahak, menyerahbalik dan

memulang, menggadaikan, menggadaijanji, mendemais, menyerahkan semula, memindahmilik atau secara lain melepaskan, atau membuat apa-apa urusan atau memajukan apa-apa harta alih atau harta tak alih kepunyaan Majlis mengikut terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Majlis;

- (e) untuk membuat sesuatu kontrak;
- (f) untuk menerima, sebagai balasan bagi perkhidmatan yang diberi olehnya, komisen atau bayaran sebagaimana yang dipersetujui; dan
- (g) amnya melakukan perbuatan-perbuatan sebagaimana difikirkan patut olehnya bagi maksud mencapai mana-mana daripada tujuan-tujuan yang tersebut di atas itu.

Keanggotaan  
Majlis.

6. Keanggotaan adalah terbuka kepada mana-mana Persatuan Sukan Negeri atau Majlis Sukan Daerah dalam Negeri itu.

Ahli-ahli  
Majlis.

7. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

- (a) Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Menteri dengan berunding dengan Menteri Besar atau Ketua Menteri Negeri itu;
- (b) dua orang Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri Negeri itu, seorang daripadanya ialah Setiausaha Kerajaan Negeri;
- (c) seorang wakil yang dinamakan oleh tiap-tiap Persatuan Sukan Negeri;
- (d) Pengerusi tiap-tiap Majlis Sukan Daerah;
- (e) Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri atau wakilnya;
- (f) Pengarah Kewangan Negeri atau wakilnya;
- (g) Pengarah Jabatan Belia dan Sukan atau wakilnya; dan
- (h) tidak kurang daripada tiga dan tidak lebih daripada enam orang yang pada pendapat Pengerusi boleh memberi sumbangan terhadap perkembangan dan kemajuan sukan.

(2) Ahli-Ahli Majlis, kecuali Pengerusi hendaklah dilantik oleh Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri itu selama tempoh dua tahun dan boleh dilantik semula.

(3) Jika berlaku sesuatu kekosongan luar jangka dalam Majlis di bawah subperenggan (c) dan (d) pihak berkuasa berkenaan hendaklah melantik mana-mana orang untuk mengisi kekosongan itu.

(4) Jika berlaku sesuatu kekosongan luar jangka dalam Majlis di bawah subperenggan (h) Pengerusi hendaklah melantik mana-mana orang untuk memenuhi kekosongan itu.

Mesyuarat  
Majlis.

8. (1) Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali tiap-tiap 3 bulan atau lebih kerap lagi sebagaimana yang difikirkan perlu.

(2) Sekurang-kurangnya empat belas hari notis bertulis hendaklah diberi kepada ahli-ahli.

(3) Satu pertiga daripada ahli-ahli Majlis yang hadir dan yang berhak mengundi dalam mesyuarat itu adalah mencukupi kuorum.

(4) Tiap-tipa seorang ahli Majlis yang hadir adalah berhak kepada satu undi.

(5) Jika sekiranya bilangan undi sama banyaknya, Pengerusi adalah berhak memberi undi kedua atau undi pemutus.

(6) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa Pengurus. Jika Pengerusi tidak ada seorang daripada Timbalan Pengerusi dikehendaki menjadi Pengerusi mesyuarat itu. Jika Timbalan Pengerusi tidak ada ahli-ahli yang hadir hendaklah memilih seorang di antara mereka untuk menjadi Pengerusi mesyuarat itu.

Jawatankuasa  
Pengurus.

9. (1) Pengurusan Hal Ehwal Majlis terletak pada Jawatankuasa Pengurus yang terdiri daripada—

(a) Pengerusi;

(b) dua orang Timbalan Pengerusi mengikut kaedah 7 (1) (b);

(c) empat orang ahli yang dilantik daripada kaedah 7 (1) (c);

(d) dua orang ahli yang dilantik daripada kaedah 7 (1) (d);

(e) Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri atau wakilnya;

(f) Pengarah Kewangan Negeri atau wakilnya;

(g) Pengarah Belia dan Sukan Negeri; dan

(h) tidak lebih daripada tiga orang lain yang pada pendapat Pengerusi boleh memberi sumbangan terhadap perkembangan dan kemajuan sukan.

(2) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 3 bulan dan tujuh hari notis bertulis mengenainya hendaklah diberi kepada semua ahli.

(3) Jawatankuasa hendaklah bertanggungjawab bagi menjalankan tugas-tugas dan pentadbiran hal ehwal dan urusan Majlis.

(4) Dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa satu pertiga daripada bilangan ahli-ahli Jawatankuasa itu adalah mencukupi kuorum.

(5) Seorang ahli Jawatankuasa yang tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut sama ada tanpa sebab yang memuaskan hati atau tanpa kebenaran Jawatankuasa adalah *ipso facto* terhenti menjadi ahli Jawatankuasa itu.

(6) Jika berlaku sesuatu kekosongan dalam Jawatankuasa, Jawatankuasa itu hendaklah melantik mana-mana orang untuk mengisi kekosongan itu.

Pentadbiran  
Majlis.

10. (1) Jawatankuasa boleh melantik seorang Pengarah yang akan bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pengurusan dari hari ke sehari hal ehwal Majlis dan untuk melaksanakan kuasa-kuasa sebagaimana yang diamanahkan atau diwakilkan oleh Jawatankuasa atau Pengerusi Jawatankuasa apabila bertindak bagi pihak Jawatankuasa.

(2) Jawatankuasa boleh melantik pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat lain sebagaimana yang difikirkan perlu bagi menjalankan hal ehwal Majlis dengan cekap.

(3) Pengarah dan lain-lain pegawai dan penjawat Majlis hendaklah bertanggungjawab kepada Jawatankuasa.

(4) Pengarah, pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Majlis hendaklah memegang jawatan selama tempoh atau tempoh-tempoh, menerima gaji dan elaun dan tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan mengikut sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

Kewangan  
Kumpulan  
Wang.

11. (1) Bagi maksud Jadual ini, adalah dengan ini ditubuhkan suatu Kumpulan Wang Sukan Negeri yang akan ditadbir dan dikawal oleh Jawatankuasa—

(a) yang ke dalamnya dimasukkan—

(i) wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Negeri;

- (ii) segala wang yang didapati daripada menjalankan apa-apa projek, rancangan atau enterprais yang dibiayai oleh Kumpulan Wang;
- (iii) wang yang dipinjam dari semasa ke semasa oleh Majlis atas terma-terma dan syarat-syarat yang diluluskan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan dan Pihak Berkuasa Negeri bagi maksud menjelaskan apa-apa tanggungjawabnya atau melaksanakan apa-apa kewajipannya;
- (iv) semua wang yang didapati atau yang terbit daripada mana-mana harta pelaburan, gadaai janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak pada Majlis; dan
- (v) segala pemberian, derma dan bekues, oleh orang perseorangan, syarikat, yayasan dan yang lain;

(b) yang darinya akan dibayar—

- (i) segala perbelanjaan yang terakru oleh Majlis bagi menjalankan tugas-tugasnya; dan
- (ii) wang bagi membayar balik apa-apa pinjaman yang telah diberi kepada Majlis menurut kuasanya untuk meminjam.

Kuasa  
meminjam.

12. Jawatankuasa boleh mengikut syarat-syarat yang diluluskan oleh Menteri, selepas berunding dengan Menteri Kewangan dan Pihak Berkuasa Negeri meminjam wang sebanyak yang diperlukan olehnya bagi menjalankan sesuatu tugasnya di bawah Akta ini.

Anggaran  
perbelanjaan.

13. (1) Majlis hendaklah menyediakan anggaran perbelanjaan untuk tiap-tiap tahun kewangan dan perbelanjaan ini hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Sukan Negeri. Anggaran perbelanjaan tahunan hendaklah diluluskan oleh Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri Negeri itu.

(2) Pengarah hendaklah bertanggungjawab bagi menjaga segala wang Majlis yang mana hendaklah didepositkan dalam bank yang diluluskan oleh Pengerusi.

(3) Semua cek yang dikeluarkan atas Akaun Majlis hendaklah ditandatangani oleh Pengarah dan Pegawai-pegawai yang diluluskan oleh Jawatankuasa.

(4) Tahun Kewangan bagi Majlis ialah 1hb Januari hingga 31hb Disember.

Akaun dan  
audit.

14. (1) Majlis hendaklah menyimpan dengan sepatutnya semua akaun dan rekod lain berkenaan dengan perjalanannya, dan hendaklah menyediakan Penyata Akaun bagi tiap-tiap satu tahun kewangan.

(2) Akaun Majlis hendaklah diaudit tiap-tiap tahun oleh Ketua Audit Negara atau wakilnya, Juruaudit Negeri atau juruaudit-juruaudit yang dilantik oleh Majlis dengan persetujuan Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri Negeri itu.

(3) Akaun-akaun Majlis hendaklah diaudit dalam tempoh 6 bulan dari akhir tiap satu tahun kewangan dan dalam tempoh itu Jawatankuasa hendaklah mengarahkan satu salinan Penyata Akaun-Akaun itu mengikut sebagaimana dikehendaki oleh Menteri, Menteri Besar atau Ketua Negeri itu dihantar kepadanya bersama-sama dengan satu salinan apa-apa pendapat yang dibuat oleh Juruaudit Negeri atau Juruaudit yang dilantik oleh Jawatankuasa.

Laporan  
tahunan.

15. Majlis hendaklah tidak lewat daripada 30 Jun tiap-tiap tahun mengarahkan supaya dibuat dan dihantar kepada Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri suatu laporan berkenaan dengan kegiatan-kegiatan Majlis dalam masa tahun yang lalu dan mengandungi apa-apa maklumat berhubung dengan perjalanan dan dasar Majlis.

Rahsia  
dan  
Penalti.

16. (1) Kecuali bagi maksud-maksud Akta ini atau maksud sesuatu "prosiding" jenayah di bawah Akta ini, tiada seorang ahli, pegawai atau penjawat Majlis boleh membukakan apa-apa maklumat berkenaan dengan mana-mana satu urusan, yang telah didapati olehnya semasa menjalankan kewajipan-kewajibannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

(2) Mana-mana ahli yang dengan diketahuinya melanggar peruntukan perenggan (1) di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun.

Kanun  
Keseksaan.

17. Semua ahli dan mana-mana pegawai atau penjawat Majlis hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam dalam ertikata Kanun Keseksaan.

Am. 18. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini Majlis boleh menetapkan acaranya sendiri.”.

Diperbuat pada 19hb September 1988.

DATO' SRI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABD. RAZAK,  
*Menteri Belia dan Sukan*

# NATIONAL SPORTS COUNCIL OF MALAYSIA Act 1971

## NATIONAL SPORTS COUNCIL OF MALAYSIA (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) ORDER 1988

Act 29. IN exercise of the powers conferred by subsection (2) of section 7A of the National Sports Council of Malaysia Act 1971, the Minister makes the following order:

Citation. 1. This Order may be cited as the **National Sports Council of Malaysia (Amendment of Second Schedule) Order 1988.**

Commencement. 2. (1) Subject to sub-paragraph (2) this Order shall be deemed to have come into force on the 1st January 1988.

(2) Rule 16 shall come into force on the date immediately following the date of its publication in the *Gazette*.

Amendment of Second Schedule. 3. The Second Schedule of the National Sports Council of Malaysia Act 1971 is amended by substituting therefore the following:

“

### SECOND SCHEDULE

#### RULES FOR THE ESTABLISHMENT OF SPORTS COUNCIL IN THE STATES OF THE FEDERATION OF MALAYSIA

Inter-pretation. 1. In the interpretation of the Rules and any bye-laws, made thereunder, unless the context otherwise requires—

“Committee” means the Committee of Management appointed under rule 8;

“Council” means the Sports Council of the State;

“Director” means the Director of State Sports Council appointed under rule 10 (1);

“District Sport Council” means the District Sports Council set up in the State by the State Sports Council or in the case of Federal Territory, Sabah and Sarawak, by the Sports Council of each administrative area;

“State Sports Association” means any association, club, institution or other body exercising exclusive control over any branch of sport within any State, on the State wide basis.

Name. 2. The Council shall be called “THE STATE SPORTS COUNCIL”.

Objectives of the Council. 3. The objectives of the Council shall be—

- (a) to promote the general interest of sports in the state and in particular to provide adequate facilities for the advancement of all branches of sports at the State and District level;
- (b) to undertake the coordination of all State Sports Association and other sports agency within the State; and
- (c) to raise and administer any fund for the furtherance of the objectives of the Council with the National Sports Council of Malaysia.

Functions of the Council. 4. The functions of the Council shall be—

- (a) to carry out the objects of the Council;
- (b) to establish District Sports Council to provide adequate facilities for the promotion of sports at District level;
- (c) to make recommendation to the State Government as the methods, measures and policies to be adopted to facilitate the development of sports, and where approved by Government, to implement and assist in the implementation thereof; and
- (d) to take all steps as are deemed necessary for the proper attainment of the objectives of the Council.

Powers of the Council. 5. The Council shall have power to do all things expedient or reasonably necessary or incidental to but without prejudice to generality of the aforesaid rule—

- (a) to conduct surveys and investigation in respect of sports;
- (b) to require government departments, and governmental and non-governmental agencies dealing in sports to submit reports regarding their activities;
- (c) to engage or assist in the development of sports, and in the provision or improvement of sports facilities;

- (d) to acquire, purchase, take on lease, hire, hold and enjoy movable and immovable property of every description and to convey, assign, surrender and yield up, charge, mortgage, demise, reassign, transfer or otherwise dispose of, or deal with or to develop any movable or immovable property belonging to the Council upon such terms as the Council deems fit;
- (e) to enter into any contract;
- (f) to receive in consideration of the services rendered by it, such commission or payment as may be agreed upon; and
- (g) generally to do such acts as it thinks fit for the purpose of achieving any of the aforesaid objects.

Membership  
of the  
Council.

6. Membership shall be open to any State Sports Association or District Sports Association within the State.

Members of  
the Council.

7. (1) The Council shall consist of the following members:

- (a) a Chairman who shall be appointed by the Minister in consultation with the Menteri Besar or Chief Minister of the State;
- (b) two Deputy Chairman, who shall be appointed by the Menteri Besar or Chief Minister of the State, one of them is the Secretary of the State Government;
- (c) a representative nominated by each State Sports Association;
- (d) the Chairman of each District Sport Council;
- (e) the Director of the State Education Department or his representative;
- (f) the State Finance Director or his representative;
- (g) the Director of the State Youth and Sports Department or his representative; and
- (h) not less than three and not more than six person who in the opinion of the Chairman can contribute to the development and promotion of sports.

(2) Members of the Council, except the Chairman shall be appointed by the Minister, Menteri Besar or Chief Minister for a period of two years and may be reappointed.

(3) Where any casual vacancy of the Council under subparagraphs (c) and (d) arises, the appropriate authority in question shall appoint any person to fill the vacancy.

(4) Where any casual vacancy of the Council under subparagraph (h) above arises, the Chairman shall appoint any person to fill the vacancy.

Meetings of  
the Council.

8. (1) The Council shall meet at least once in every 3 months or more often as is considered necessary.

(2) At least fourteen days notice in writing shall be given to members.

(3) One third of the members of the Council present and entitled to vote at such meeting shall constitute a quorum.

(4) Every member of the Council present shall be entitled to one vote.

(5) In the event of an equality of votes the Chairman shall be entitled to a second or casting vote.

(6) The Chairman shall chair all the meetings of the Council and of the Committee. In the absence of the Chairman one of the Deputy Chairman shall become the Chairman of such meeting. In the absence of the Deputy Chairman, the members present shall elect one of their member to be chairman of that meeting.

Committee of  
Management.

9. (1) The management of the affairs of the Council shall be vested in a Committee of Management which shall consist of—

- (a) the Chairman;
- (b) the two Deputy Chairman pursuant to rule 7 (1) (b);
- (c) four members appointed under rule 7 (1) (c);
- (d) two members appointed under rule 7 (1) (d);
- (e) the Director of the State Education Department or his representative;
- (f) the State Finance Director or his representative;
- (g) the State Youth and Sports Director; and
- (h) not more than three other persons who in the opinion of the Chairman can contribute to the development and promotion of sports.

(2) The committee shall meet at least once every 3 months and seven days notice in writing thereof shall be given to all members.

(3) The Committee shall be responsible for the carrying out of the functions and administration of the affairs and business of the Council.

(4) At any meeting of the Committee one third of the total membership of the Committee shall constitute a quorum.

(5) Any member of the Committee who absents himself from three consecutive meetings, either without satisfactory explanation or without leave of the Committee shall *ipso facto* cease to be a member thereof.

(6) Where any vacancy arises in the Committee, the committee shall appoint any person to fill the vacancy.

Administration  
of the  
Committee.

10. (1) The Committee may appoint a Director who shall be responsible for the day to day administration and management of the affairs of the Council and to perform such duties and exercise such powers as may be entrusted or delegated by the Committee or Chairman of the Committee acting on behalf of the Committee.

(2) The Committee may appoint such other officers and servants as it may consider necessary for the efficient conduct of the affairs of the Council.

(3) The Director and other officers and servants of the Council shall be responsible to the Committee.

(4) The Director, officers and servants of the Council shall hold office for such period, or periods, receive such salaries and allowances and be subject to such condition of service as may be determined by the Committee.

Finance  
Fund.

11. (1) For the purpose of this Schedule, there is hereby established a State Sports Fund to be administered and controlled by the Committee—

(a) into which shall be paid—

(i) such sums as may be provided from time to time by the State Authority;

(ii) all monies earned by the operation of any project, scheme or enterprise financed from the Fund;

- (iii) such sums as may from time to time be borrowed by the Council upon terms and conditions approved by the Minister after consultation with the Minister of Finance and State Authority for the purpose of meeting any of its obligation or discharging any of its duties;
- (iv) all monies earned or arising from any property; investment, mortgage, charges or debentures acquired by or vested in the Council; and
- (v) all gifts, donation and bequests from individuals companies, foundation and other-sources;

(b) out of which shall be defrayed—

- (i) all expenditure incurred by the Council in carrying out its functions; and
- (ii) monies for the repayment of any loan made to the Council pursuant to its power to borrow.

Borrowing  
powers.

12. The Council may, upon the conditions approved by the Minister, in consultation with the Minister of Finance and the State Authority borrow such sums as it may require for carrying out any of its function under this Act.

Estimate of  
expenditure.

13. (1) The Council shall provide the estimates of expenditure for every financial year and it shall be paid from the State Sports Fund. The estimate of expenditure shall be approved by the Minister, Menteri Besar or Chief Minister of the State.

(2) The Director shall be responsible for the custody of all funds of the Council which shall be deposited with a bank approved by the Chairman.

(3) All cheques drawn on the Account of the Council shall be signed by the Director and officers approved by the Committee.

(4) The Financial Year of the Council shall be from the 1st January to the 31st December.

Account  
and audit.

14. (1) The Council shall keep proper accounts and other records in respect of its operation and shall prepare Statement of Accounts in respect of each financial year.

(2) The accounts of the Council shall be audited annually by the Auditor General or his representative, State Auditor or auditors appointed by the Council with the approval of the Minister, Menteri Besar or Chief Minister of the State.

(3) The accounts of the Council shall be audited within six months of the end of each financial year and within such period the Committee shall cause a copy of the statement of accounts in such manner as the Minister, Menteri Besar or Chief Minister of the State may require to be transmitted to them, together with a copy of any observation made by the State Auditor or auditors appointed by the Committee.

Annual  
report.

15. The Council shall not later than the 30th day of June of each year, cause to be made and transmitted to Minister, Menteri Besar or Chief Minister, a report dealing with the activities of the Council during the preceding year and containing such information relating to the proceedings and policy of the Council.

Secrecy  
and  
penalty.

16. (1) Except for the purpose of this Act or of any criminal proceedings under this Act, no member, officer or servant of the Council shall disclose any information with respect to any individual business, which has been obtained by him in the course of his duties and which is not published in pursuance of this Act.

(2) Any member knowingly contravening the provisions of the above paragraph (1) shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year.

Penal Code.

17. All members of the Council and any officer or servant of the Council shall be deemed to be a public servant within the meaning of the Penal Code.

General.

18. Subject to the provisions of this Act the Council may determine its own procedure."

Made the 19th September 1988.

DATO' SRI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK,  
*Minister of Youth and Sports*